



"Tampin Indah Bersih Selamat"

PEJABAT MAJLIS DAERAH TAMPIN,
73000 TAMPIN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

Tel: 06-4411601/609 Faks: 06-4413001

E-mel: mdt@mdtampin.gov.my

Laman Sesawang: <http://www.mdtampin.gov.my>

KENYATAAN TAWARAN

1. Pembekal-pembekal yang mempunyai kerja semasa di Majlis Daerah Tampin dan mendapat kerja di Pejabat Daerah Tampin, Pejabat Daerah Kecil Gemas, Jabatan Kerja Raya Tampin Serta Jabatan Pengairan Dan Saliran Tampin **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
2. Borang Sebutharga akan diberi percuma. Borang ini boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran Majlis Daerah Tampin (Tingkat 1) pada waktu pejabat. Wakil syarikat hendaklah membawa surat wakil sah beserta **SIJIL ASAL** dokumen seperti disyaratkan iaitu **Perakuan Pendaftaran Syarikat (Sijil SSM)** serta **Sijil Pendaftaran di Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**. Pembekal **dinasihatkan agar mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (Social Distancing)** semasa berurusan di kaunter MDT dan sebarang pelanggaran arahan pihak tuan akan diambil tindakan.
3. Setiap kesilapan pada Borang Sebutharga hendaklah ditandatangani balas, tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair (liquid paper).
4. **Tempoh sah laku sebutharga**
Sebutharga ini sah laku dalam **tempoh 90 hari** dari tarikh mengemukakan Sebutharga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku Sebutharga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
5. Borang Sebutharga yang telah **diisi dan dilengkapkan serta berlakri** hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga mengikut nombor Sebutharga yang tertera di bahagian hadapan Peti Sebutharga (Peti Tawaran) di **Bahagian Pentadbiran, Majlis Daerah Tampin. Nombor Sebutharga dan Nama Syarikat** hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang Sebutharga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan seperti di bawah.
6. Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang, Sub Bidang dan Pecahan Sub Bidang (Bekalan dan Perkhidmatan) dan masih dibenarkan untuk membuat Pembekalan Sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai Sebutharga di bawah :-

NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK (PEMBIAYAAN)**	TARAF / JENIS SYKT	KOD BIDANG / SUB BIDANG / PECAHAN SUB BIDANG	TEMPAT TAKLIMAT & DOKUMEN SEBUTHARGA	TEMPAT / TARIKH & WAKTU SEBUTHARGA DITUTUP
SH(M)/M/03/2023	PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENJAHIT, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PAKAIAN SERAGAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN UNTUK KAKITANGAN MAJLIS DAERAH TAMPIN	Bumiputera	Kod Bidang : 020801 (Pakaian) Sub Bidang : 020802 (Pakaian dan kelengkapan) atau 020804 (Pakaian Keselamatan, Kelengkapan dan Aksesori) atau 020899 (Pembuat Pakaian dan Kelengkapan)	Bahagian Pentadbiran Majlis Daerah Tampin, Negeri Sembilan D.K. Pengambilan Borang Sebutharga dibuka bermula 12.12.2023 (SELASA) hingga 26.12.2023 (SELASA) dari jam 8.30 pagi – 4.00 petang sahaja	Pejabat Majlis Daerah Tampin, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus. (Di Bahagian Pentadbiran) 26.12.2023 (SELASA) Jam : 12.00 tengahari